



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### RESIDENSI KEONGMAS PROJEK RUMAWIP DENGAN TAWARAN SERENDAH RM188,000.00 SEUNIT

**Kuala Lumpur, 5 Oktober 2015** – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor menyempurnakan Majlis Pelancaran dan Sesi Pengundian Projek RUMAWIP Residensi KepongMas di sini. Projek ini merupakan projek di bawah Dasar RUMAWIP yang dilaksanakan secara perkongsian strategik di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Syarikat Sinerjuta Sdn Bhd dalam membangunkan rumah mampu milik pada harga di bawah RM200,000.00 kepada rakyat khususnya yang berpendapatan rendah dan sederhana.

2. Bagi pelancaran Projek Residensi KepongMas ini, sejumlah 1,514 unit pangsapuri ditawarkan dengan keluasan 800 kaki persegi pada harga jualan RM188,000.00 seunit merangkumi tingkat 8 hingga tingkat 12 manakala RM193,000.00 seunit bagi tingkat 13 hingga tingkat 17 dan RM198,000 seunit untuk tingkat 18 dan ke atas. Projek ini merangkumi 2 blok pangsapuri setinggi 41 tingkat yang mempunyai reka bentuk menarik.
  
3. Dibangunkan di atas sebidang tanah milik DBKL seluas 3.94 ekar, lokasinya yang strategik di Taman Metropolitan Kepong, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan berhampiran dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang boleh memberi tarikan kepada pembeli serta dilengkapi dengan pelbagai kemudahan awam seperti Tasik Metropolitan, Pasaraya Aeon, Stesen MRT, sekolah, bank-bank perdagangan, kedai-kedai serbaneka dan pelbagai lagi kemudahan yang ada. Projek ini

juga menyediakan kemudahan sosial kepada penduduknya seperti pondok pengawal keselamatan, dewan serbaguna, kawasan rekreasi, kiosk, surau dan taska yang dijangka akan meningkatkan lagi nilai harta tanah kawasan tersebut kelak.

4. Cabutan undi yang dijalankan ini adalah merupakan cabutan undi fasa pertama melibatkan sejumlah 790 unit di mana pemohon yang berjaya akan membuat cabutan undi bagi menentukan unit kediaman yang akan diperoleh. Fasa pengundian seterusnya akan dijalankan setelah selesai semua proses tapisan yang sedang dijalankan. Setiap projek RUMAWIP yang dibina di bawah Dasar RUMAWIP adalah tertakluk kepada sekatan moratorium selama 10 tahun yang mana setiap unit yang dibeli tidak boleh dijual kepada pihak lain sebelum tamat tempoh 10 tahun moratorium tersebut. Pencapaian pelaksanaan RUMAWIP di Wilayah Persekutuan sehingga September 2015 adalah sebanyak 29,090 unit atau 37% daripada sasaran keseluruhan 80,000 unit.

5. Projek Rumawip merupakan sebahagian daripada inisiatif kerajaan menyasarkan pembangunan sebanyak 80,000 unit rumah di seluruh Wilayah Persekutuan dalam tempoh 5 tahun ini. Oleh itu bagi memastikan projek RUMAWIP dijayakan sepenuhnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, Jawatankuasa Pasukan Petugas Perumahan akan mengawal selia projek- projek Rumah Mampu Milik yang akan dilaksanakan di Wilayah Persekutuan agar projek rumah mampu milik ini berjalan dengan lancar.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
5 Oktober 2015  
Kuala Lumpur